



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1
Tarikh : 2 Mac 2020

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 7/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

LANGKAH PENJAGAAN KESIHATAN DAN PENCEGAHAN PENULARAN JANGKITAN WABAK
NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Malaysia telah melaporkan beberapa kes jangkitan virus COVID-19 dalam kalangan bukan warganegara yang datang melawat Malaysia dan juga warganegara. Berdasarkan senario semasa, pihak Universiti berpendirian semua lawatan rasmi / tidak rasmi ke negara-negara yang disahkan berisiko tinggi dapat ditangguhkan. Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak dan terpaksa membuat kunjungan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, warga UKM hendaklah mengambil langkah-langkah keselamatan kesihatan yang tinggi dan adalah atas risiko sendiri.

3. Sebaik sahaja kembali ke Malaysia, warga UKM adalah **DIWAJIBKAN** untuk melapor diri ke Kaunter Saringan COVID-19 yang ditempatkan di Kolej Ibu Zain untuk saringan kesihatan sebelum disahkan boleh menjalankan tugas. Prosedur ini adalah berpandukan Pelan Tindakan Pencegahan seperti di **Lampiran**. Segera dapatkan rawatan perubatan di hospital kerajaan berhampiran sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam suhu tinggi, batuk dan kesukaran bernafas, hidung berair serta keletihan melampau dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan.

4. Prosedur yang disarankan amat penting untuk dilaksanakan bagi memastikan pencegahan potensi penularan serta kawalan optima penyakit ini terutamanya di UKM. Semua warga boleh mendapatkan khidmat nasihat secara terus dari Pusat Kesihatan Universiti dan maklumat terkini serta saranan langkah pencegahan menerusi laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Sehubungan dengan itu, sukacita pihak YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua warga di bawah seliaan mengenai perkara ini. Sebagai langkah kesiapsiagaan, setiap PTj juga dapat memastikan warga PTj yang baru pulang dari negara yang berisiko untuk dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888/5015 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities




www.ukm.my

6. Sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan, YBhg. Prof./ Prof. Ulung/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Dr. Arif Nasar Sulaiman, Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Universiti ditalian 03-8921 3554 / e-mel: arifnasar@ukm.edu.my atau Dr. Masdalina Azhari, Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti ditalian 03-8921 3689 / e-mel: masdalina81@ukm.edu.my.

Kerjasama YBhg./Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN

Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Ketua Pusat Kesihatan Universiti



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 e-mel:pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN COVID-19 UNTUK KAKITANGAN UKM YANG PULANG DARI NEGARA TERLIBAT

1. Semua kakitangan UKM dikehendaki mematuhi larangan perjalanan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, serta Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 7/2020.
2. Lawatan rasmi atau tidak rasmi ke negara terlibat harus ditangguhkan. Sekiranya lawatan terpaksa dilakukan dan tidak dapat dielakkan, kakitangan UKM hendaklah mengambil langkah keselamatan kesihatan yang tinggi dan atas risiko sendiri.

CARTA ALIR	NOTA
<pre> graph TD Start([Mula]) --> Step1[] Step1 --> Step2[] Step2 --> Step3[] Step3 --> Step4[] Step4 --> Step5[] Step5 --> Decision{Penuhi definisi kes} Decision -- Ya --> Step6[] Decision -- Tidak --> Step7[] Step6 --> Step8[] Step8 --> End([Tamat]) </pre> <p>Mula</p> <p>Kakitangan UKM yang pulang dari negara terlibat dikehendaki melaporkan diri di Kaunter Saringan COVID-19 di Kolej Ibu Zain sebelum kembali bertugas di UKM</p> <p>Kakitangan hendaklah mengisytiharkan sejarah perjalanan terkini dan status kesihatan mereka menggunakan '<i>Health Declaration Form</i>'</p> <p>'<i>Red Alert Card</i>' akan dikeluarkan setelah selesai proses saringan</p> <p>Sekiranya kakitangan mengalami demam, batuk, sesak nafas, atau sakit tekak, sila maklumkan kepada Kaunter Saringan COVID-19</p> <p>Penilaian perubatan akan dilakukan oleh PKU berdasarkan garis panduan terkini KKM</p> <p>Tidak: Rawat kakitangan. Bekalkan '<i>Red Alert Card</i>' dan nasihat untuk pemeriksaan susulan di Kaunter Saringan COVID-19</p> <p>Ya: Rujuk hospital saringan terdekat</p> <p>Maklumkan Jabatan Pendaftar / PKD HL</p> <p>Tamat</p>	<p>Senarai negara terlibat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. China (termasuk Hong Kong, Macau, Taiwan) 2. Korea Selatan 3. Jepun 4. Itali 5. Iran <p>(2 Mac 2020)</p> <p>KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>PKD HL – Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat</p> <p>PKU – Pusat Kesihatan Universiti</p>

PREVENTIVE ACTION PLAN OF COVID-19 FOR UKM STAFF RETURNING FROM AFFECTED COUNTRIES

1. All UKM staff are required to adhere to the latest travel advisory as released by the Ministry of Health, as well as circulars from Jabatan Pendaftar UKM (Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 7/2020).
2. Travels to affected countries* are to be postponed / cancelled unless highly unavoidable

FLOWCHART	NOTE
<pre> graph TD Start([Start]) --> Step1[UKM staff who are returning from affected countries* are required to report themselves to the COVID-19 Screening Counter at Kolej Ibu Zain before resuming work in UKM] Step1 --> Step2[Staff are required to declare their recent travel history and health status using the Health Declaration Form] Step2 --> Step3[Red Alert Card will be issued after screening process is completed] Step3 --> Step4[If develop fever > 38 degrees Celcius, pneumonia or severe respiratory infection with breathlessness within the self-monitoring period, the COVID-19 Screening Counter must be informed] Step4 --> Step5[Medical evaluation by the University Health Centre team with infection control precautions as per guidelines] Step5 --> Decision{Fulfill case definitions} Decision -- No --> NoPath[Treat accordingly. If indicated, allow to go home with Red Alert Card and advise for follow up] Decision -- Yes --> Step6[Refer to ID Physician Hospital Sungai Buloh, as per Standard Operating Procedure (SOP) issued by Ministry of Health (MoH)] Step6 --> Step7[Notify PKD / Jabatan Pendaftar] Step7 --> End([End]) </pre>	<p>List of Affected Countries</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. China (including Hong Kong, Macau and Taiwan) 2. South Korea 3. Japan 4. Italy 5. Iran <p>(As of 2 March 2020)</p> <p>KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>PKD HL – Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat</p> <p>PKU – Pusat Kesihatan Universiti</p>



COVID-19

MAKLUMAN KEPADA WARGA KAMPUS BAGI PERJALANAN KE LUAR NEGARA (2 MAC 2020)

Universiti berpendirian bahawa semua lawatan rasmi atau tidak rasmi ke negara yang berisiko tinggi harus ditangguhkan terutama sekali ke negara China (termasuk Hong Kong, Taiwan dan Macau), Korea Selatan, Itali, Jepun dan Iran.

Sekiranya lawatan terpaksa juga dilakukan atas sebab yang tidak dapat dielakkan, warga kampus hendaklah mengambil langkah keselamatan kesihatan yang tinggi dan atas risiko sendiri.

Sebaik sahaja kembali ke Malaysia, warga kampus **DIWAJIBKAN** untuk melaporkan diri ke Kaunter Saringan COVID-19 di Kolej Ibu Zain untuk saringan kesihatan sebelum disahkan boleh menjalankan tugas.

DISEDIAKAN OLEH :

JABATAN PENDAFTAR UKM &
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI UKM